

Bayar pencen balu berkahwin lain disambut baik

UM 20 OCT 2001

KUALA LUMPUR 19 Okt. — Pelbagai pemimpin pertubuhan wanita menyambut baik langkah kerajaan yang akan tetap meneruskan bayaran pencen kepada balu walaupun selepas berkahwin semula.

Mereka menyifatkan langkah itu sebagai bijak dan wajar untuk memberi bantuan kepada balu yang terpaksa menanggung perbelanjaan anak-anak dan keluarga selepas kematian suami.

Presiden Yayasan Azam Malaysia, **Aslinda Baroni** berkata, langkah itu merupakan satu bantuan kewangan terhadap golongan tersebut.

"Ia merupakan suatu sumber yang sepatutnya diberikan kepada bekas isteri yang kematian suami kerana terpaksa menanggung, menjaga dan memelihara keluarga," katanya.

Katanya, perkara itu sepatutnya dilaksanakan sejak dari dahulu lagi, memandangkan bantuan kewangan diperlukan oleh balu-balu untuk meneruskan kehidupan.

Beliau diminta mengulas mengenai cadangan kerajaan yang akan meneruskan pem-

bayaran pencen suami kepada balu walaupun selepas mereka berkahwin semula.

Perkara itu diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika pembentangan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat, hari ini.

Ini dilihat sesuai dengan sikap kerajaan yang mengiktiraf peranan wanita dalam pembangunan ekonomi.

Pengerusi Biro Aduan Wanita UMNO, **Kamilia Ibrahim** pula menyifatkan keputusan kerajaan itu sebagai satu tindakan mesra keluarga dan menjaga maruah wanita.

"Saya telah lama kemukakan perkara ini sebagai satu isu yang serius memandangkan ada di kalangan balu yang tidak mahu berkahwin hanya kerana tidak mahu melepaskan wang pencen tersebut," katanya.

Katanya, kelonggaran yang diberikan itu membolehkan balu meneruskan kehidupan tanpa perlu mengambil risiko jika berkahwin lagi.

Katanya, perkara itu merupakan satu titik tolak ke arah

penghidupan masyarakat wanita yang lebih terancang pada masa akan datang.

Pengerusi Tenaganita, **Irene Fernandez** pula mahu peluang yang diberikan kerajaan perlu digunakan dengan berhati-hati oleh para balu.

"Jangan diakibatkan ada pencen, lelaki lain ambil kesempatan berkahwin dengan wanita tersebut atas alasan untuk hidup senang dengan wang pencen," katanya.

Katanya, pendekatan itu membolehkan kaum wanita tidak hanya bergantung kepada lelaki, kerana rata-rata ramai yang berkahwin semula kerana inginkan jaminan kewangan suami baru.

Pendapat itu disokong oleh Aktivis Penggiat Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), **Silam Hassan** yang menyarankan pencen itu khusus untuk kegunaan para balu sahaja.

"Jika berkahwin semula, suami baru tidak boleh menganggap pencen itu untuk kegunaan bersama, ia hak mutlak si isteri," katanya.